

**PENJELASAN KEPADA RENCANA UTUSAN MALAYSIA BERTAJUK  
“SYARAT TAMBAHAN PRASARANA DIBIDAS”**

Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) dan semua agensi yang terlibat dalam projek MRT Lembah Klang komited untuk memastikan projek dilaksanakan secara telus. Kami memberi penekanan dalam menentukan semua garis panduan kawal selia berkaitan projek, termasuk pemberian kontrak, diikuti dan dilaksanakan dengan berhati-hati.

Kenyataan yang dibuat oleh Pengarah Ekonomi Perkasa, Dr Zubir Harun, adalah serius dan boleh disalah tafsir.

Saiz dan kekompleksan projek MRT Lembah Klang (KVMRT) membawa bersamanya risiko kelewatan dan peningkatan kos. Oleh yang demikian, para kontraktor yang dipilih perlu memiliki kepakaran dan kekuatan kewangan untuk melaksanakan projek sebesar ini.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, telah menetapkan garis panduan yang ketat bagi proses pemerolehan, termasuk kriteria pra-kelulusan dan pemilihan kontraktor untuk pakej kerja. Ini bagi memastikan hanya kontraktor tulen, kompeten dan berkeelayakan yang boleh menyiapkan projek mengikut masa yang ditetapkan sahaja yang dipilih.

Prasarana yakin bahawa pasaran tempatan mempunyai bilangan kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera tulen, kompeten dan berkeelayakan yang mencukupi. Kriteria Pra-Kelulusan (PQ) adalah tidak terlalu ketat dan masih membolehkan ramai kontraktor berpengalaman untuk layak tanpa perlu membentuk perkongsian dengan kontraktor lain.

Sebenarnya kami telah pun menjemput kontraktor-kontraktor bumiputera untuk menyertai tender. Melalui pengumuman pra-kelulusan yang diterbitkan melalui media pada bulan Mac, kami telah mewujudkan dua kategori tender iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Bumiputera.

Prasarana ingin menjelaskan bahawa kenyataan Dr. Zubir bahawa kontraktor Bumiputera tidak mampu membayar bon tender sebanyak RM300,000 yang diperlukan pada peringkat tender adalah tidak benar. Terdapat kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mampu mengeluarkan dana sebanyak itu dan pakej-pakej kerja utama ditujukan kepada kumpulan ini yang memiliki kekuatan kewangan untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Prasarana sedar bahawa terdapat kontraktor-kontraktor Bumiputera yang tidak mampu memenuhi kriteria bagi pakej kerja utama tetapi layak untuk menyertai kerja-kerja subkontrak. Oleh itu kontraktor yang lebih kecil masih berpeluang memainkan peranan dalam projek KVMRT pada tahap yang bersesuaian dengan kemahiran dan pengalaman mereka. Kontraktor-kontraktor ini tidak akan diketepikan daripada menyertai projek ini.

Kerajaan komited untuk meneliti kos dan penyediaan projek prasarana negara yang penting ini untuk faedah rakyat Malaysia. Prasarana, sebagai pemilik projek, komited untuk memastikan ketelusan dan ketepatan masa dalam menyediakan projek ini mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**Shahril Mokhtar**

**Pengarah Urusan Kumpulan**

**Syarikat Prasarana Negara Berhad**